



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

---

**27 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

---

**27 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)**



**AZMAN ADAM**

## Peniaga di Langkawi diingatkan tidak naik harga

**LANGKAWI:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi amaran tindakan tegas akan diambil ke atas peniaga di pulau peranginan itu yang menaikkan harga barangan keperluan selepas pulau itu dibuka kepada pelancong sejak 16 September lalu.

Pengarah Penguatkuasanya, Azman Adam berkata, mereka akan meningkatkan pemeriksaan di premis-premis perniagaan di pulau ini untuk memastikan tiada peniaga mengambil kesempatan menaikkan harga barangan secara sewenang-wenangnya.

Menurutnya, walaupun kementerian menerima laporan mengenai peniaga yang menaikkan harga barangan, namun, pemeriksaan harga akan tetap dilakukan di pulau peranginan itu.

Katanya, KPDNHEP mempunyai kaedah tertentu untuk mengesan peniaga menaikkan harga barangan termasuk melalui penyamaran.

“Peniaga yang berdegil dengan menaikkan harga barangan boleh didakwa melakukan kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas membuat pemeriksaan kit ujian pantas (RTK) secara sendiri di Bangunan The Smith, Padang Matsirat di sini semalam.

## Dua peniaga jual RTK lebih harga siling

Oleh NUR AMALINA AZMAN

**LANGKAWI** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN-HEP) membuka kertas siasatan ke atas dua peniaga kerana disyaki menjual kit ujian pantas (RTK) Antigen Covid-19 secara sendiri melebihi harga siling ditetapkan kerajaan sejak 5 September lalu.

Pengarah Penguatkuasanya, Azman Adam berkata, peniaga terlibat dikesan di Melaka dan Sabah.

"Sejak penetapan harga (siling) pada 5 September lalu, cuma dua premis yang diambil tindakan.

"Kertas siasatan telah dibuka bagi kedua-dua kes tersebut dan memerlukan sedikit masa lagi untuk diselesaikan," katanya selepas melakukan pemeriksaan harga kit RTK di Bangunan The Smith, Padang Matsirat di sini semalam.

Katanya, harga siling

ditetapkan bagi RTK itu ialah RM19.90 seunit bagi harga runcit dan RM16 seunit untuk harga borong.

Menurutnya, dalam tempoh peralihan selepas penetapan harga siling tersebut, sebanyak 33 premis didapati menjual RTK secara sendiri berkenaan melebihi harga ditetapkan.

Bagaimanapun, mereka telah mengambil tindakan menurunkan harga serta-merta setelah diberi amaran sepanjang tempoh peralihan itu.

Sementara itu, kata beliau, selain melakukan pemeriksaan penjualan RTK, pihaknya juga memantau sekiranya berlaku sebarang kenaikan harga tidak munasabah melibatkan barangan keperluan sejak pulau ini kembali dibuka kepada pelancong pada 16 September lalu.

"Setakat ini tiada sebarang aduan berkenaan kenaikan harga barang keperluan yang dibuat kepada KPDNHEP di sini," ujarinya.



AZMAN (tengah) memeriksa kit RTK sendiri di sebuah farmasi di Padang Matsirat, Langkawi semalam.

## 33 premis jual Kit RTK lebih harga

**Langkawi:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengesan peniaga di Melaka dan Sabah menjual Kit Ujian (RTK) Antigen Covid-19 melebihi harga siling.

Pengarah Penguat Kuasanya, Azman Adam berkata, pihaknya sudah membuka kertas siasatan dan akan diselesaikan dalam tempoh terdekat.

Menurutnya, terdapat 33 premis di seluruh negara dikesan menjual RTK melebihi harga siling sejak penetapan harga dilakukan pada 5 September lalu.

"Bagaimanapun 31 daripadanya mengambil tindakan segera membetulkannya selepas amaran diberi-

kan dalam tempoh peralihan kecuali dua premis masing-masing satu di Melaka dan Sabah yang diambil tindakan.

"Harga siling ditetapkan bagi RTK adalah RM19.90 bagi harga runcit maksimum dan RM16 untuk harga maksimum borong, tapi mereka menjual lebih dari itu.

"Pemeriksaan akan sentiasa dilakukan bagi memastikan peniaga mematuhi harga siling dan menyemak rekod pembelian serta bekalannya mencukupi untuk kegunaan orang ramai," katanya selepas meninjau pematuhan prosedur operasi standard (SOP) di premis perniagaan di sini, kelmarin.

## Cubaan seludup 1,156 paket minyak masak gagal

**Semporna:** Cubaan tiga lelaki warga asing menyeludup keluar 1,156 paket minyak masak ke negara jiran gagal apabila dua daripadanya ditahan ketika sedang memunggah bekalan berkenaan ke dalam tiga bot di Kampung Bangau-Bangau di sini, awal pagi kelmarin.

Pengarah Zon Maritim Semporna Komander Maritim Norrimi Hassan berkata anggota bertugas dalam Op Pluto Timur diatur gerak ke lokasi selepas menerima maklumat dari unit perisikan maritim berkaitan pergerakan bot mencurigakan berhampiran kelong ikan di lokasi kejadian pada jam 5.30 pagi.


“Didapati tiga lelaki memindahkan bekalan minyak masak dari sebuah kelong ikan ke dalam tiga bot dan apabila suspek menyedari kehadiran bot ronda, seorang daripada suspek nekad terjun ke laut berenang

ke arah daratan untuk melarikan diri manakala dua lagi suspek berusia 16 dan 30 tahun berjaya ditahan,” katanya.

Kini pihaknya giat mengesan suspek yang melarikan diri dan keseluruhan rampasan termasuk bot dianggarkan bernilai RM22,400.

Norrimi berkata, orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan kegiatan penyeludupan atau lain-lain kegiatan jenayah maritim agar melaporkan segera ke Pusat Operasi Zon Maritim Semporna dengan menghubungi talian 089-782619 atau MERS 999.

Beliau berkata, pihaknya sentiasa memperkukuhkan penguatkuasaan di sekitar kawasan ‘panas’ terutama sempadan perairan 2 negara dalam usaha membanteras penyeludupan dan kemasukan pendatang haram ke Sabah melalui jalan laut.



MINYAK masak yang dirampas di Kampung Bangau-Bangau awal pagi, kelmarin.

## Cubaan seludup keluar minyak masak gagal

**SEMPORNA** - Cubaan tiga lelaki warga asing untuk menyeludup keluar 1,156 pekuk minyak masak ke negara jiran gagal apabila dua daripadanya ditahan ketika sedang memunggah bekalan berkenaan ke dalam tiga bot, di Kampung Bangau-Bangau di sini pada awal pagi Sabtu.

Pengarah Zon Maritim Semporna, Komander Maritim Norrimi Hassan berkata, anggota bertugas dalam Op Pluto Timur diatur gerak ke lokasi selepas menerima maklumat dari unit perisikan maritim berkaitan pergerakan bot mencurigakan berhampiran kelong ikan pada jam 5.30 pagi.

"Didapati tiga lelaki memindahkan bekalan minyak masak dari sebuah kelong ikan ke dalam tiga bot dan apabila suspek menyedari kehadiran bot ronda, seorang daripada suspek nekad terjun ke laut berenang ke arah daratan untuk melarikan diri, manakala dua lagi suspek berusia 16 dan 30 tahun berjaya ditahan," katanya dalam kenyataan pada Ahad.

Kini pihak maritim giat mengesan suspek yang melarikan diri dan keseluruhan rampasan termasuk bot bernilai RM22,400.

Norrimi berkata, orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan kegiatan penyeludupan atau kegiatan jenayah maritim agar melaporkan segera ke Pusat Operasi Zon Maritim Semporna dengan menghubungi talian 089-782619 atau MERS 999. - *Bernama*

## Bid to smuggle 1,156 packets of cooking oil foiled

**SEMPORNA:** An attempt by three foreign men to smuggle 1,156 packets of cooking oil to a neighbouring country failed when two of them were arrested while loading the items onto three boats in Kampung Bangau-Bangau here on Saturday.

Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA) Semporna Zone director Comm Norrimi Hassan said a team on duty in Op Pluto Tinjur was deployed to the location after receiving information from its maritime intelligence unit regarding the movement of

suspicious boats near a *kelong* (fish farm) at the scene at 5.30am.

"Monitoring efforts found the three men transferring the cooking oil from the *kelong* onto the three boats. When one of them became aware of the presence of a patrol boat, he jumped into the sea and swam towards nearby land. The other two, aged 16 and 30, were arrested," he said in a statement yesterday.

Meanwhile, Norrimi said the MMEA was actively tracking down the suspect who fled, adding that the confiscated items, including

the boats, were worth RM22,400.

He added anyone with information relating to smuggling or other maritime criminal activities should lodge a report immediately to the Semporna maritime zone operations centre by calling 089-782619 or MERS 999.

He said the MMEA would continue to tighten enforcement in hotspot areas, especially in the country's territorial waters to curb smuggling activities and entry of illegal immigrants into Sabah via the sea route.

- Bernama





• Ayam	<b>RM8.69</b>	• Cili Merah	<b>RM10.90</b>
• Daging Lembu Tempatan	<b>RM40</b>	• Gula Pasir	<b>RM2.80</b>
• Daging Lembu Import	<b>RM32.90</b>	• Bawang Besar Holland	<b>RM2.99</b>
		• Bawang Putih	<b>RM6.90</b>
		• Telur Gred A	<b>RM12.30</b>
		• Ikan Kembung	<b>RM12.90</b>
		• Minyak Masak	<b>RM6.50</b>
		• Kubis Bulat Tempatan	<b>RM2.19</b>
		• Tepung Gandium	<b>RM2.25</b>

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPONHEP



# MyIPO bantu patenkan inovasi YAM 2.0 ciptaan Maryam

Oleh **SUBKHI SUDARJI**  
utusannews@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA** : Inovasi makanan haiwan daripada kulit udang dan siput sedut dinamakan YAM 2.0 akan dipatenkan.

Ia selepas produk tersebut merangkul tiga pingat emas pertandingan Pertandingan Inovasi dan Reka Cipta Antarabangsa Ke-6 (iCAN) 2021 di Toronto, Kanada, baru-baru ini.

Kejayaan itu diraih rakyat Malaysia, Maryam Muzamir, 11, yang mengetepikan 600 peserta lain daripada 70 negara sekali gus menjadikannya sebagai pemenang termuda dalam pertandingan berkenaan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, pihaknya berbangga dengan pencapaian Maryam dan akan menawarkan bantuan untuk mempatenkan hasil inovasinya melalui agensi di bawah Kementerian, Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO).

Menurutnya, MyIPO ber-

hubung dengan bapa pelajar terbabit minggu lepas untuk mengetahui lebih lanjut mengenai inovasi yang dihasilkan anaknya.

“MyIPO akan membantu untuk proses pemfailan paten terhadap inovasi yang dihasilkan Maryam untuk memastikan inovasi beliau dilindungi,” jelasnya menerusi kenyataan, semalam.

Alexander berkata, usaha mempatenkan hasil inovasi seperti itu bukan sahaja memberi pengiktirafan hak milik kreativiti kepada pencipta, malah melindungi ciptaan atau inovasi seseorang daripada dicitlak.

Tambahnya, ia juga memberi peluang kepada pencipta untuk meneroka potensi lebih luas seperti mengkomersialkan hasil ciptaan ke peringkat lebih tinggi.

“KPDNHEP menyeru pencipta-pencipta yang menghasilkan ciptaan dan inovasi dalam pelbagai bidang untuk mempatenkan hasil karya mereka sama ada pernah memenangi sebarang pertandingan atau sebaliknya, bagi membolehkan mereka memegang hak cipta secara



MyIPO akan membantu untuk proses pemfailan paten bagi inovasi yang dihasilkan Maryam untuk memastikan inovasi beliau dilindungi.”

ALEXANDER NANTA LINGGI



**MARYAM Muzamir, 11, bersama pingat dan sijil yang diterima pada iCAN 2021 yang berlangsung di Toronto, Kanada pada 28 Ogos 2021.**

eksklusif.

“Tahniah kepada adik Maryam dan semoga kejayaan ini memberi inspirasi kepada

anak-anak muda lain untuk mengembangkan kreativiti menghasilkan inovasi dan ciptaan baharu,” katanya.



**KPDNHEP tawar bantuan  
patenkan inovasi makanan  
haiwan ciptaan Maryam**

*Nasional 14*

# KPDNHEP tawar bantuan paten hasil inovasi Maryam



Maryam berjaya mengharumkan nama negara selepas meraih tiga pingat emas dalam Pertandingan Inovasi dan Reka Cipta Antarabangsa Kanada ke-6 (iCAN 2021), di Toronto, Kanada, bulan lalu. (Foto ihsan FB)

mastikan hasil inovasi itu dilindungi. Beliau berkata, MyIPO berhubung dengan bapa pelajar tersebut pada minggu lalu untuk mengetahui lebih lanjut mengenai inovasi yang dihasilkan anaknya itu.

“Usaha mempatenkan hasil inovasi ini bukan sahaja memberikan pengiktirafan hak milik kreativiti kepada pencipta, malah melindungi ciptaan atau inovasi seseorang daripada dicipilak.

“Ia juga memberi peluang kepada pencipta untuk meneroka potensi yang lebih luas seperti mengomersialkan hasil ciptaan ke peringkat lebih tinggi.

“Kementerian meminta kepada pencipta dalam pelbagai bidang untuk mempatenkan hasil karya mereka, sama ada pernah memenangi sebarang pertandingan atau tidak, bagi membolehkan mereka memegang hak cipta secara eksklusif,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Sebelum ini, media melaporkan, murid Tahun Lima Sekolah Kebangsaan (SK) Perempuan Methodist, Kuantan, Maryam Muzamir, menghargumkan nama negara selepas meraih tiga pingat emas dalam pertandingan itu di

**Lindungi ciptaan YAM 2.0, produk makanan haiwan daripada kulit udang, siput sedut**

Oleh Samadi Ahmad  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menawarkan bantuan untuk mempatenkan hasil inovasi Maryam Muzamir, 11, menghasilkan makanan haiwan daripada kulit udang dan siput sedut.

Inovasi Maryam itu yang dinamakan YAM 2.0, merangkumi pingat emas dalam pertandingan peringkat antarabangsa, The 6th International Invention, Innovation Competition (iCAN) 2021 di Toronto, Kanada.

Menteri KPDNHEP, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata pihaknya akan membantu melalui agensi Perbadanan Harta Intelektual Malaysia (MyIPO) bagi me-

Toronto, Kanada.

Kejayaan Maryam turut mendapat perhatian dunia melalui siaran Rancangan TV terkemuka, *The Late Late Show with James Corden*.

Alexander berkata, kementerian mengucapkan tahniah dan berbangga atas kejayaan Maryam kerana berjaya mengutipkan 600 peserta dari 70 negara, sekali gus menjadi peme-

ngang termuda dalam pertandingan itu.

Sementara itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, juga mengucapkan tahniah kepada Maryam dan berdo'a supaya murid itu terus menempa lebih banyak kejayaan pada masa depan.

Beliau berkata demikian dalam satu hantaran melalui laman media sosialnya, semalam.

Inovasi makanan haiwan raih pingat emas

# Kejayaan Maryam dapat perhatian

Oleh SUBKHI SUDARJI

**PUTRAJAYA** – Kejayaan Maryam Muzamir, 11, mengharumkan nama Malaysia apabila merangkul tiga pingat emas dalam Pertandingan Ciptaan, Inovasi Antarabangsa Keenam di Toronto, Kanada pada bulan lalu mendapat perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Ismail Sabri berbangga apabila hasil inovasi makanan haiwan yang diperbuat daripada siput sedut dan juga kulit udang itu mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa.

“Ta merupakan pertandingan inovasi dan reka cipta terbesar di benua Amerika Utara. Maryam turut mendapat perhatian dunia melalui siaran televisyen terkemuka, *The Late Late Show with James Corden*,” katanya menerusi laman Facebooknya semalam.

Lebih membanggakan, Maryam bukan sahaja mengeneipkan 600 peserta lain dari 70 negara, malah muncul sebagai pemenang termuda dalam pertandingan tersebut.

“Keluarga Malaysia amat berbangga dengan pencapaian adik Maryam dan saya mendoakan adik Maryam terus menempa lebih banyak kejayaan pada masa hadapan,” katanya.

Sementara itu, inovasi makanan haiwan daripada kulit udang dan siput sedut yang dinamakan YAM 2.0 akan dipatenkan bagi memastikan produk tersebut dilindungi.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi memberitahu, pihaknya berbangga dengan pencapaian Maryam dan akan menawarkan bantuan untuk mempatenkan hasil inovasi kanak-kanak itu melalui Perbadanan Harta Intelektual Malaysia (MyIPO).

“MyIPO telah berhubung de-



**KEJAYAAN** Maryam (dua dari kanan) mendapat pingat emas dalam pertandingan inovasi mendapat pujian Perdana Menteri (gambar kecil).

ngan bapa pelajar terbabit pada minggu lalu untuk mengetahui lebih lanjut mengenai produk yang dihasilkan kanak-kanak tersebut.

“Sudah pasti MyIPO akan membantu berkaitan proses pemfailan paten bagi inovasi untuk memastikan produk beliau dilindungi,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Menurut Alexander, usaha mempatenkan hasil inovasi bukan sahaja memberikan pengiktirafan hak milik kreativiti kepada pencipta, malah melindungi ciptaan atau inovasi seseorang daripada diciplak.

Jelas beliau, tindakan itu juga memberi peluang kepada pencipta untuk meneroka potensi

yang lebih luas seperti mengkomersialkan hasil ciptaan ke peringkat lebih tinggi.

“KPDNHEP menyeru pencipta-pencipta yang telah menghasilkan ciptaan dan inovasi dalam pelbagai bidang untuk mempatenkan hasil karya masing-masing sama ada yang pernah memenangi sebarang pertandingan atau sebaliknya.

“Langkah ini bagi membolehkan mereka memegang hak cipta secara eksklusif.

“Tahniah kepada adik Maryam dan semoga kejayaan ini memberi inspirasi kepada anak-anak muda yang lain untuk mengembangkan kreativiti menghasilkan inovasi dan ciptaan baharu,” kata beliau.

## KPDNHEP tawar bantuan paten ciptaan

**Putrajaya:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menawarkan bantuan mempatenkan hasil inovasi kanak-kanak Maryam Muzamir, 11, melalui inovasi makanan haiwan dihasilkan daripada kulit udang dan siput sedut.

Ia susulan kejayaannya merangkul tiga pingat emas dalam pertandingan Pertandingan Inovasi dan Reka Cipta Antarabangsa Kanada ke-6 (iCAN) 2021 di Toronto, Kanada.

Menterinya, Datuk Seri



Alexander Nanta Linggi (*gambar*) berkata, pihaknya bersedia untuk membantu melalui agensi Perbadanan

Harta Intelek Malaysia (MyIPO) bagi memastikan hasil inovasi murid berkenaan dapat dilindungi.

Di samping itu, Alexander berkata, pihak MyIPO berhubung dengan bapa murid terbabit pada minggu lalu untuk mengetahui lebih lanjut mengenai inovasi dihasilkan anaknya.

Menurut Alexander, usaha mempatenkan hasil inovasi ini bukan sahaja memberikan pengiktirafan hak milik kreativiti kepada pencipta, malah melindungi ciptaan atau inovasi seseorang da-

ripada diciplak.

Katanya, ia juga memberi peluang kepada pencipta meneroka potensi lebih luas seperti mengkomersialkan hasil ciptaan ke peringkat lebih tinggi.

"KPDNHEP menyeru kepada pencipta yang menghasilkan ciptaan dan inovasi dalam pelbagai bidang untuk mempatenkan hasil karya mereka sama ada yang pernah memenangi sebarang pertandingan atau sebaliknya, bagi membolehkan mereka memegang hak cipta secara eksklusif," katanya.



MAKANAN haiwan ciptaan Maryam yang menerima anugerah di Kanada.



## KPDNHEP tawar bantuan paten inovasi Maryam

**SHAH ALAM** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menawarkan bantuan untuk mempatenkan hasil inovasi makanan haiwan daripada kulit udang dan siput sedut dinamakan YAM 2.0 milik Maryam Muzamir.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, hasrat itu dikemukakan melalui agensi di bawah kementerian iaitu Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO).

“Pihak MyIPO telah berhubung dengan bapa-pelajar terabit minggu lepas untuk mengetahui lebih lanjut mengenai inovasi yang dihasilkan anaknya.



ALEXANDER

“Pihak MyIPO akan membantu untuk proses pemfailan paten bagi inovasi yang dihasilkan Maryam bagi memastikan inovasi beliau dilindungi.

“Usaha mempatenkan hasil inovasi seperti ini bukan sahaja memberikan peng-

iktirafan hak milik kreativiti kepada pencipta, malah melindungi ciptaan atau inovasi seseorang daripada diciplak,” katanya menerusi kenyataan pada Ahad.

Mengulas lanjut, Alexander berkata, pemfailan paten juga memberi peluang kepada pencipta untuk meneroka potensi yang lebih luas seperti mengkomersialkan hasil ciptaan ke peringkat lebih tinggi.